



# PENGURUSAN SISA PEPEJAL BERSEPADU



**PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (SWCORP)**  
Blok J, MKN Embassy Techzone, Jalan Teknokrat 2, 63000 Cyberjaya, Selangor.

# PENGURUSAN SISA PEPEJAL BERSEPADU DI MALAYSIA

## DASAR PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA

### MATLAMAT

- Mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yang menyeluruh, bersepadu, kos efektif, mampu dan diterima masyarakat yang mementingkan pemeliharaan alam sekitar, pemilihan teknologi yang mampu bayar dan menjamin kesihatan awam.
- Melaksanakan pengurusan sisa pepejal berdasarkan hierarki pengurusan sisa yang memberi keutamaan kepada pengurangan sisa melalui 3R (Reduce - Kurangkan, Reuse - Guna Semula dan Recycle - Kitar Semula), rawatan perantaraan dan pelupusan akhir.


### OBJEKTIF

- Pengurusan sisa pepejal yang bersepadu dan kos efektif, yang meliputi kutipan, pengangkutan, rawatan perantaraan dan pelupusan.
- Pengurangan sisa pepejal isi rumah, komersial, industri, institusi, awam dan pembinaan melalui konsep 3R.
- Perkhidmatan yang efisien dan kos efektif melalui penswastaan, kawal selia yang cekap dan standard yang seragam.
- Pemilihan teknologi yang telah terbukti, mampu bayar dari segi CAPEX dan OPEX dan mesra alam.
- Menjamin pemeliharaan alam sekitar dan kesihatan awam.
- Pewujudan perundungan dan institusi bagi pengurusan sisa pepejal.


## TRANSFORMASI PENGURUSAN SISA PEPEJAL DI MALAYSIA

2007	Pewartaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672)
2008	Penubuhan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
2011	Penswastaan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Zon Utara - Environment Idaman Sdn Bhd Zon Tengah dan Timur - Alam Flora Sdn Bhd Zon Selatan - SWM Environment Sdn Bhd
2013	Pemantauan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
2015	Peraturan Pengasingan Sisa Pepejal di Punca
2016	Penguatkuasaan Pengasingan Sisa Pepejal di Punca

## ELEMEN PENGURUSAN SISA PEPEJAL



## KADAR KITAR SEMULA





Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) sebuah agensi di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan merupakan Badan Berkutan Persekutuan yang diperbadankan melalui Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 673).

Akta 673 ini telah diwartakan pada 30 Ogos 2007 dan Perbadanan ditubuhkan secara rasmi pada 1 Jun 2008 sebagai pelengkap bagi menjayakan Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara (DPSPN) dan menguatkuasakan Akta Pengrusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672).

#### VISI

Ke arah meningkatkan kualiti persekitaran yang bersih, indah dan sejahtera menjelang 2020

#### MISI

Melaksanakan dasar-dasar dan strategi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam secara bersepadu, efektif dan menjadikan kebersihan sebagai budaya hidup masyarakat melalui pendidikan, kesedaran awam, penguatkuasaan undang-undang, kecekapan keberkesanan penyampaian perkhidmatan dan penggunaan teknologi yang efektif

#### KAWASAN PERKHIDMATAN



Petunjuk

- Pejabat negeri / cawangan SWCorp

#### FUNGSI

Mengesyorkan dasar, perancangan dan strategi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam kepada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)

Melaksana, menggalakkan penyertaan dan mempertingkatkan kesedaran orang awam mengenai program kesedaran dan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam

Menerapkan amalan kitar semula dan pengasingan sisa disumber secara sistematis disamping menekankan ciri-ciri pembangunan yang mampan meliputi aspek ekonomi, politik dan sosial

Melaksana dan menguatkuasakan undang-undang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam

Memproses permohonan baru, pembaharuan dan pembatalan/penggantungan lesen pembekal perkhidmatan pengurusan sisa pepejal sehingga pengesyoran kepada JPSPN

Mengawalselia prestasi syarikat-syarikat yang membekalkan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam

Mengenalpasti teknologi yang mesra alam, selamat dan kos efektif serta menjalankan penyelesaian berhubung dengan pembangunan berkelanjutan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam

# PERKHIDMATAN DI BAWAH AKTA 672

## PERKHIDMATAN KUTIPAN



Sisa Dapur



Sisa Makanan



Bahan-bahan kotor



Lampin Pakai Buang

2 kali  
Seminggu



Sisa Kitar Semula



Sisa Pukal



Sisa Kebun

1 kali  
Seminggu

## PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM

Merangkumi:



Jalan awam



Tempat awam



Tandas awam



Longkang awam



Kawasan pusat penjaja



Kasihan di jalan awam, pasar tani, pasar raya dan pasar pagi



Pembuangan sisa pepejal haram



Pantai awam



Mengalihkan bangkai




Memotong rumput di tepi bebendul jalan awam



Memotong rumput di tempat awam

# ELEMEN PENGURUSAN SISA PEPEJAL BERSEPADU



## Petunjuk



Compactor



Open Lorry



Long Haulage

# KESAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL TIDAK SISTEMATIK KEPADA KESIHATAN AWAM



Tumpahan air sampah  
(leachate)



Pencemaran sumber air bawah tanah  
(penyakit bawaan air)



Pencemaran bau dan  
kacau ganggu



Kehadiran tikus di kawasan longgokan  
sampah (leptospirosis)



Pembibakan nyamuk Aedes  
(denggi)



Pengasidan tanah akibat daripada  
pembuangan sisa berbahaya (kimia)



Longkang tersumbat  
(banjir kilat)



Pencemaran udara  
(gangguan sistem pernafasan)



Pelepasan gas rumah hijau  
(penipisan lapisan ozon)